

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 29 OGOS 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

PAUTAN : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004317/makanan-sekejap-saja-sudah-habis>

### 'Makanan sekejap saja sudah habis'



AMIRUDDIN memperoleh pelanggan tetap dalam masa tiga bulan. FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

Kuala Lumpur: Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diperkenalkan kerajaan dilihat dapat meningkatkan pendapatan peserta yang menyertainya selain mengubah taraf hidup mereka kini.

Perkara ini diakui salah seorang peserta, Amiruddin Ahmad Abdul Jalil, 28, yang berkata, IPR membolehkannya memanfaatkan dengan sebaiknya melalui platform yang diberikan oleh kerajaan melalui mesin layan diri.

"Ia mengubah hidup dan menambah pendapatan saya. Dalam masa sebulan, saya memperoleh pendapatan antara RM3,000 hingga ke RM4,000 melalui penyertaan mesin layan diri IPR.

"Dalam masa tiga bulan, saya juga mendapat pelanggan tetap. Daripada sini, saya lihat ia memberi peluang untuk memperluaskan perniagaan seperti katering atau penyediaan makanan di tempat lain," katanya.

Amiruddin yang tinggal di Ampang berkata, dia hanya mengeluarkan kira-kira RM150 bagi tujuan penyediaan bahan mentah.

"Sehari diperuntukkan RM150 untuk penyediaan makanan. Saya lebih menyediakan sarapan seperti nasi goreng dan kuih," katanya sambil menambah akan mengisi makanan dalam mesin layan diri yang terletak di KL Sentral di sini, dua kali sehari.

Peserta lain, Zainab Dali, 52, berkata melalui IPR ini, ia dapat menambah pendapatan dan menanggung perbelanjaan hariannya sekeluarga.

"Kadang-kadang sebelum ini kita susah seperti dari segi kewangan, disebabkan keadaan ekonomi yang teruk. Tetapi Alhamdulillah, mesin layan diri IPR ini dapat mengubah kehidupan saya," katanya.

Dia yang tinggal di Kampung Datuk Keramat berkata, setiap bulan akan memperoleh pendapatan kira-kira RM3,000 ke RM4,000 melalui mesin ini.

"Saya dapat RM3,000 sebulan itu pun sudah bersyukur. Lepas pendapatan untuk tanggungan saya dengan keluarga membeli barangan basah, barangan dapur dan menanggung dua orang kurang upaya (OKU) iaitu kakak dan anak buah saya," katanya.

Dia turut berharap agar pihak kerajaan dapat memanjangkan tempoh penyertaan IPR ini daripada dua tahun yang diberikan kepada pihak yang menyertainya.

Peserta, Norfaridah Mohamad Nor, 38, yang tinggal di PPR Kerinchi turut berkongsi kisah yang sama bahawa IPR ini berjaya menambah pendapatannya menerusi jualan di mesin layan diri.

"Suami saya tidak bekerja kerana tidak berapa sihat. Saya pun seorang suri rumah sepenuh masa dan mempunyai enam orang anak.

"Hari-hari saya letak makanan dalam mesin tersebut itu. Apabila ia habis, dapatlah saya untung dalam bentuk tunai dan bolehlah saya buat belanja.

"Selain itu, mesin itu juga ada perkhidmatan tanpa tunai dan pengguna yang mahu membeli makanan boleh membayar menggunakan aplikasi seperti Grab, Boost dan Touch n Go," katanya.

Katanya, dari segi pendapatan, dia memperoleh kira-kira RM2,000 sebulan melalui makanan yang dijual di mesin itu seperti mi goreng, mi segera goreng, bihun goreng, karipap dan donut.

"Kebiasaannya saya akan datang pada waktu pagi. Seawal jam 6 pagi saya akan datang ke KL Sentral untuk memasukkan makanan (dalam mesin layan diri) dan satu lagi jam 11 pagi.

"Selalunya dua kali sehari saya isi dan saya juga boleh memantau makanan itu ada atau tidak melalui aplikasi. Kalau makanan itu sudah kurang, kita hantar. Selain itu, kita juga boleh memantau hasil jualan melalui aplikasi yang disediakan," katanya.

Seorang lagi peserta, Normaladiana Mohd Yazal, 36, berkata inisiatif IPR ini dapat menampung perbelanjaan harian di samping niatnya untuk menyertai program seumpama ini adalah bagi meringankan beban suaminya.

"Buat masa ini pendapatan yang saya peroleh sebulan antara RM2,000 hingga ke RM3,000. Bila kita letak sahaja makanan di mesin itu, sekejap sahaja sudah habis.

"Contohnya jam 6 pagi saya letak, kemudian kira-kira jam 9 pagi selepas itu sudah habis. Kadangkala, ada juga orang yang menempah makanan berdasarkan nombor yang diperoleh oleh mereka di mesin layan diri itu," katanya.

Suri rumah itu turut berharap program IPR ini dapat dilanjutkan melebihi dua tahun kerana ia memberi manfaat kepada individu yang menyertainya.

Menerusi Ekonomi Madani yang diumumkan, sasaran jangka pendek digerakkan bagi menangani isu-isu segera yang mengesankan rakyat

Antaranya menoktahkan kemiskinan tegar tahun ini dan usaha digerakkan melalui inisiatif IPR supaya isi rumah miskin tegar mempunyai peluang meningkatkan pendapatan mereka dan tidak hanya semata-mata menerima bantuan tunai langsung.

IPR yang merangkumi tiga model iaitu Insan, Intan dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan) dilancarkan pada 26 Februari lalu dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat sejajar dengan kenaikan kos sara hidup.

Kerajaan menyasar 100,000 peserta daripada isi rumah miskin tegar dan golongan B40 yang menyertai IPR, berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan.